Keahlian perpustakaan meningkat setiap tahun dengan bertambahnya pengambilan pelajar. Sehingga Disember 2004, jumlah ahli bagi semua kategori ialah 51,068.

SULTAN ABDUL SAMAD LIBRARY

In line with the rapid advance of Information and Communications Technology (ICT), the Library continued in its endeavours to ensure that its system of resource management and services grows in tandem with this development. This is to ensure that the UPM community can utilise the latest technology to fulfil their teaching, learning and research needs..

Collection

The library collection has showed continuous growth with the addition of new collections to support both existing and new programmes. As at 2004, the total collection of the library, including the collections of the libraries at the Faculty of Medicine and Health Sciences as well as the Faculty of Veterinary Medicine stands 481,315 copies. This total covers the entire collection of books and journal series. For the same period of time, its audio-visual collection totalled 72,130 units covering 40,055 titles. As for journals, the Library takes effort to continuously increase its e-journal subscriptions to enable users to readily access their preferred journals. To date, subscriptions to as many as 3145 printed journals are still being continued.



Perkhidmatan Pinjaman

Dari Januari-Disember 2004 sebanyak 205,257 transaksi peminjaman/pemulangan buku dan jurnal telah dibuat. Rekod pinjaman juga telah mencatat 93,012 transaksi bagi bahan pandang dengar dan 4,393 bagi alat pandang dengar.

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen

Sehingga akhir Disember 2004, sebanyak 831 permohonan untuk mendapatkan bahan dari perpustakaan lain telah diterima daripada pelajar dan staf UPM, dan 584 telah dapat dipenuhi, iaitu 70.3%. Dalam tempoh yang sama, 1331 permohonan telah diterima daripada perpustakaan luar untuk mendapatkan bahan daripada koleksi perpustakaan, jika ada. Daripada jumlah ini sebanyak 789 telah dapat dipenuhi, iaitu 59.3%.

Penggunaan Perpustakaan

Mengikut bacaan meter di pintu keluar Perpustakaan, dalam tempoh Januari hingga Disember 2004, seramai 627,363 pengguna telah datang ke Perpustakaan.

Pangkalan data dalam talian

Perkembangan ICT terkini telah membolehkan pengguna mengakses maklumat dalam jurnal dan lain-lain sumber maklumat dalam talian melalui internet. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan telah melanggan beberapa pangkalan data untuk membolehkan warga UPM mengakses seluas mungkin sumber maklumat. Sehingga Disember 2004, Perpustakaan telah melanggan lebih kurang 30 pangkalan data dalam talian, antaranya:-

Academic Search Premier, ACM Digital Library, Business Source Premier, Blackwell Synergy, Cambridge Scientific Abstracts, Computer Database, ERIC, Emerald Fulltext, Euromonitor, Family and Society Studies Worldwide, Institute of Physics Electronic Journal, IEEE Xplore, Kluwer Online Journals, Lecture Notes in Computer Science, LINK (Springer-Verlag OnlineJournal), LawNet (Online Library of Malaysian Law, Lippincott Williams & Wilkins, OVID: Evidence Based Medical Reviews, OVID: Medline, ProQuest ABI/INFORM Global, ProQuest Agricultural Journals, ProQuest Digital Dissertations, ProQuest Education Complete, ProQuest Medical Library, Psyc Info, Psyc Articles, Science Direct and World Scientific Computer Science E Journal.

Membership

The Library's membership increases yearly as one of the contributing factors is the rise in student intake. As at December 2004, the total membership for all categories was 51,068.

Loan Services

From January-December 2004 there were 205,257 transactions involving the borrowing of books and journals. The record for audio-visual materials showed 93,012 transactions while there were 4,393 transactions for audio-visual equipment.

Document Supply Services

Until the end of December 2004, a total of 831 applications to secure materials from other libraries were received from both staff and students. 70.3% of these requests or 795 were fulfilled. In the same period of time 1331 applications were received from other libraries to secure available materials from UPM's library. Of these 59.3% or 789 requests were granted.

Library Usage

According to the meter reading at the exit door of the library, 627,363 visits were made in the time period between January and December 2004..

Online Database

The latest developments in ICT have enabled users to access information and contents of journals and other sources of information online via the internet. In relation to this, the Library has subscribed to various databases to enable the UPM community to access a wide range of resources. As at December 2004, the Library subscribed to the following online :-

Academic Search Premier, ACM Digital Library, Business Source Premier, Blackwell Synergy, Cambridge Scientific Abstracts, Computer Database, ERIC, Emerald Fulltext, Euromonitor, Family and Society Studies Worldwide, Institute of Physics Electronic Journal, IEEE Xplore, Kluwer Online Journals, Lecture Notes in Computer Science, LINK (Springer-Verlag OnlineJournal), LawNet (Online Library of Malaysian Law, Lippincott Williams & Wilkins, OVID: Evidence Based Medical Reviews, OVID: Medline, ProQuest ABI/INFORM Global, ProQuest Agricultural Journals, ProQuest Digital Dissertations, ProQuest Education Complete, ProQuest Medical Library, Psyc Info, Psyc Articles, Science Direct and World Scientific Computer Science E Journal.

Keseluruhan pangkalan data ini membolehkan pengguna mengakses lebih 16,500 jurnal antarabangsa, sama ada mendapat maklumat mengenai judul, pengarang dan abstraks atau pun teks artikel itu sepenuhnya.

Selain daripada itu, warga UPM terus boleh mengakses pangkalan data dalam negara seperti MASTIC Link, NSTP E-media, PALMOILIS dan SIRIMLINK.

Pangkalan Data CD-ROM

Perpustakaan kini mempunyai 27 judul pangkalan data CD-ROM dalam berbagai bidang pengajaran dan penyelidikan, termasuk pangkalan data yang dihasilkan oleh Commonwealth Agricultural Bureau International (CABI) dan Institute for Science Information (ISI). Pangkalan-pangkalan data tersebut ialah:

ABI/INFORM, Agricola, AGRIS, ASFA (Aquatic Science and Fisheries Abstracts), BeastCD, Britannica CD, CAB Abstracts, CABPESTCD, CA on CD (Chemical Abstracts on CD), Compendex Plus, Computer Select, Current Contents on CD, ERIC, FHN in AGRIS, Family Studies Database, Food Science and Technology Abstracts, HORTCD, KIT Abstracts, MLA International Bibliography, MEDLINE, POPLINE, SoilCD, Science Citation Index, Social Science Citation Index, Sport Discuss, TreeCD, VETCD.

Pendidikan Pengguna

Program Orientasi Perpustakaan untuk pelajar baru telah diadakan bagi pelajar peringkat Ijazah dan Diploma bagi sesi Mei dan November. Sebanyak 89 sesi program berkenaan telah diadakan sepanjang tahun 2004, dan telah mencatat kehadiran sebanyak 4512 pelajar.

Selain program untuk pelajar baru, Perpustakaan juga telah mengendalikan kelas Strategi Pencarian Maklumat yang di buat secara berjadual atau atas permintaan fakulti, selalunya untuk pelajar tahun akhir. Sebanyak 60 sesi telah diadakan. Sesi pendidikan pengguna kepada individu atau kumpulan kecil juga diadakan atas permintaan. Kelas kelas ini telah mencatat kehadiran seramai 1213 orang.

This entire database enables users to access more than 16,500 international journals whether to obtain information according to titles, authors and abstracts of entire articles. Apart from this, users can also access local online databases such MASTIC Link, NSTP E-media, PALMOILIS and SIRIMLINK.

CD-ROM DATABASE

The library now has 27 database titles in various fields of subjects and research inclusive of the one produced by the Commonwealth Agricultural Bureau International (CABI) and Institute for Science Information (ISI). They are as follows:

ABI/INFORM, Agricola, AGRIS, ASFA (Aquatic Science and Fisheries Abstracts), BeastCD, Britannica CD, CAB Abstracts, CABPESTCD, CA on CD (Chemical Abstracts on CD), Compendex Plus, Computer Select, Current Contents on CD, ERIC, FHN in AGRIS, Family Studies Database, Food Science and Technology Abstracts, HORTCD, KIT Abstracts, MLA International Bibliography, MEDLINE, POPLINE, SoilCD, Science Citation Index, Social Science Citation Index, Sport Discuss, TreeCD, VETCD.

User Education

The Library orientation for new Diploma and Degree level students for the May and November sessions was carried out. 89 such programme sessions were held in 2004 and they were attended by 4512 students.

Apart from programmes for new students, the Library also continued its Information Finding Strategy sessions. These sessions were scheduled on the requests made by various faculties, especially for their final year students. 60 such sessions were carried out for both individuals and small groups. About 1213 people attended these user education sessions.



Pembangunan Mahasiswa

Student
Development



Universiti Putra Malaysia (UPM) meletakkan matlamat utama dalam Pelan Strategik 2001-2010 ialah melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan. Untuk itu, pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan sepanjang tahun 2004 dalam usaha universiti mencapai matlamat tersebut. Usaha ini melibatkan banyak pihak terutamanya Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa yang berperanan menjadi pemangkin ke arah pembentukan kecemerlangan, kewibawaan dan keterampilan mahasiswa melalui pelaksanaan aktiviti yang menekankan aspek kemajuan akademik serta pembinaan sahsiah diri. Melalui tiga fungsi utamanya, iaitu;

- Kecemerlangan kemajuan akademik mahasiswa
- Kecemerlangan sahsiah dan kepimpinan mahasiswa
- Kecemerlangan kebajikan mahasiswa

A) Anugerah Naib Canselor

Pada sesi 2004/2005 seramai 44 orang mahasiswa telah dipilih menerima anugerah Naib Canselor. Daripada jumlah tersebut, seramai 23 mahasiswa daripada kluster sains dan 21 bagi kluster sains sosial/sastera. Anugerah ini diberikan kepada mahasiswa tahun akhir pengajian yang cemerlang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Calon mesti menunjukkan ketokohan, kewibawaan, kesungguhan yang tinggi dalam aktiviti kepimpinan, kemasyarakatan dan penghayatan budaya ilmu dan wajib memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif 3.0 dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.

In its Strategic Plan 2001-2010, University Putra Malaysia (UPM) has stated that its main goal is to produce graduates of calibre who are competitive and capable of progressing forward through lifelong learning. Throughout 2004, various programmes were planned and implemented to achieve this objective. These efforts involved many divisions, especially the Student Affairs Division, whose role was to be the catalyst in shaping student excellence, authority and skill through programmes that emphasise academic progress and personality grooming, through these three main functions;

- Excellence in student academic development
- Excellence in student personality and leadership
- Excellence in student welfare

A) Vice-Chancellor's Award

A total of 44 students were chosen to receive the Vice-Chancellor's Award during the 2004/2005 session. Out of this, 23 students were from the cluster of science faculties, and the other 21 students were from the cluster of social science and arts faculties. The awards were given to students who had completed their final year and who had excelled in academic and co-curricular areas. The selection criteria was based on leadership responsibility, outstanding performance and diligence in leadership and social activities, following a knowledge-oriented culture, having a Cumulative Grade Point Average (CGPA) of 3.0 and as well as being free from having any disciplinary action taken against them.



B) Anugerah Sukan

Bagi Anugerah Sukan UPM sesi 2004/2005 seramai 51 atlet UPM telah dianugerahkan anugerah tersebut. Pada kali ini jaguh olahraga dan juga atlet negara Mohd Robani Hassan, dan Citra Devi a/p Arumugam pemain hoki dianugerahkan sebagai olahragawan dan olahragawati. Dalam senarai anugerah ini juga telah disenaraikan anugerah khas yang diberikan kepada dua penerima, enam mahasiswa menerima Anugerah Kepimpinan Sukan, 24 menerima Anugerah Perak dan Anugerah Emas diberikan kepada 17 penerima.

C) Aktiviti-aktiviti mahasiswa

Projek Perintis Berbasikal

UPM merupakan universiti pertama di Malaysia yang memperkenalkan program berbasikal di dalam kampus. Melalui program ini, ia dapat menyumbang kepada persekitaran kampus yang jauh bebas dari pencemaran udara dan bunyi yang dihasilkan oleh kenderaan bermotor. Selain itu, ia juga dapat mengurangkan kesesakan dalam kampus justeru dapat mengurangkan kadar kemalangan. Perancangan awal program ini telah bermula pada tahun 2004. Program ini memberikan kemudahan pengangkutan alternatif kepada mahasiswa di kampus Serdang. Sebanyak 300 basikal yang bernilai RM 375 sebuah diberikan kepada mahasiswa terpilih sebagai projek perintis. Mahasiswa terlibat hanya perlu membayar insuran RM 50 dan dikenakan yuran pengangkutan sebanyak RM75 setiap semester. Projek perintis ini akan diteruskan kepada pelajar lain kerana dengan projek ini dapat menjimatkan kos pengangkutan sebanyak RM 1 juta dan merealisasikan

B) Sports Awards

51 student athletes received awards in various categories during the UPM Sports Awards function in the 2004/2005 session. This time, national athlete and Champion, Mohd Rabani Hassan, and hockey player, Chitra Devi a/p Arumugam were awarded the sportsman and sportswoman of the year awards respectively. The award list included a special category award given to two students. Six students received sports leadership awards, 24 students received silver medals whereas 17 students received gold medals.

C) Student Activities

Bicycle Pioneering Project

UPM is the first university in Malaysia to introduce a cycling programme in its campus. Implementing this programme has contributed to the freedom from noise and smoke pollution from motorised vehicles. This move will also minimise traffic jams and accidents. Planning of this programme was carried out in early 2004. This programme has served as an alternative and convenient mode of transport for students at the Serdang Campus. A total of 300 bicycles each costing RM375 were purchased and given to selected students as a pioneer project. The selected students need only pay an insurance fee of RM50 and a transport fee of RM75 per semester. This pioneering project will be extended to other students as it will save UPM transportation costs of RM1 million annually. This programme will also help realise UPM's desire to create a green campus with peaceful serenity.

hasrat UPM untuk menjadi kampus hijau yang mesra alam.

Bengkel Aktiviti Cemerlang

Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa (B'HEM) telah mengadakan satu bengkel selama 3 hari di Port Dickson, Negeri Sembilan yang disertai seramai 120 pemimpin mahasiswa. Pemimpin mahasiswa itu dipilih dikalangan pimpinan tertinggi persatuan dan kelab yang berdaftar dengan B'HEM. Tujuan bengkel ini adalah untuk melatih kepimpinan mahasiswa dalam merancang dan mengurus sesuatu aktiviti yang ingin dilaksanakan secara berkesan dan sistematik serta penekanan aspek pengurusan organisasi, etiket sosial, protokol dan kemahiran merancang.

Istiadat Pentauliah Ke-23 Pegawai Kadet PALAPES IPTA

Pada 2004, UPM berjaya menjadi tuan rumah kepada Istiadat Pentauliah Ke-23 Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) seluruh IPTA iaitu pada 8 Mei 2004, bertempat di Padang Kawad. Seramai 697 Pegawai Kadet PALAPES telah dikurniakan watak oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Selain UPM, majlis ini turut melibatkan pegawai kadet palapes daripada UM, UKM, UiTM, USM, UUM, UTM, UMS dan UNIMAS. Seramai 15 pegawai kadet PALAPES telah dianugerahkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik. Mereka dipilih berdasarkan kualiti semangat, disiplin, kepimpinan dan pencapaian akademik masing-masing.

Program "English Zone" UPM

Pada 2004 UPM turut melancarkan program "English Zone" bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mahasiswa. Program ini juga bertujuan untuk mewujudkan budaya berbahasa Inggeris di kalangan mahasiswa di sekitar kampus.

Excellence Activity Workshop

The Student Affairs Division (B'HEM) had arranged one workshop of such a nature at Port Dickson, Negeri Sembilan for 3 consecutive days. The 120 student leaders who participated in this workshop were among the top leaders in their respective societies and clubs, that are registered with B'HEM. The purpose of this workshop was to train student leaders in planning and managing activities, effectively and systematically, with emphasis on managing organisations, social etiquette, protocol and planning skills.

23rd PALAPES IPTA Cadet Officer Appointment Ceremony

The year 2004 saw UPM's success in hosting the 23rd Appointment Ceremony of the Reserve Officers Training Unit (ROTU) of all the public institutions of Higher Learning (PIHL) on & 8 May 2004 at the Parade Ground. A total of 697 ROTU Cadet Officers were bestowed with credentials by the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Apart from UPM, ROTU cadet officers from UM, UKM, UiTM, USM, UUM, UTM, UMS and UNIMAS, also took part in this prestigious gathering. A total of 15 PALAPES cadet officers were given the Best Cadet Officers award. They were selected based on their morale, discipline, leadership and individual excellent academic achievements.

UPM's "English Zone" Programme

In 2004, UPM also launched an "English Zone" programme to improve and raise the level and standard of the English Language. The aim of this programme was to introduce and establish the learning of English Language as a culture, to be practised by the students throughout the campus. It is envisaged that the programme will enable and assist students to be proficient in the





UPM telah melancarkan program "English Zone" bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mahasiswa

Dalam jangka masa panjang, program ini dapat membantu mahasiswa UPM untuk mahir dengan bahasa Inggeris yang menjadi syarat utama untuk bersaing di pasaran kerjaya apabila bergraduasi nanti. Selain itu 'English Zone' ini juga mampu meningkatkan prestasi akademik mahasiswa UPM, memudahkan komunikasi dan memantapkan kepimpinan untuk dicontohi oleh orang lain. Mengikut pelaksanaan program tersebut beberapa lokasi telah dikenal pasti termasuk beberapa tempat di Bangunan Pentadbiran, Fakulti dan kolej kediaman. Mahasiswa yang berada di tempat tersebut dikehendaki berurusan dan bertutur dalam bahasa Inggeris.

Program Kerjaya dan Keusahawanan

Usaha untuk mencapai matlamat utama universiti yang terkandung dalam pelan strategik itu juga melibatkan Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni (PPKA). PPKA sepanjang 2004 telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat mahasiswa dengan melibatkan penyertaan pihak alumni. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah:

- Bengkel Get That Job
- Bengkel Menghadapi Temuduga
- Simposium Keusahawanan Siswazah IPT 2004
- Ceramah Kerjaya
- Ceramah Keusahawanan

Selain itu, PPKA juga berusaha gigih untuk membawa kembali alumni ke kampus untuk berkongsi pengalaman dengan mahasiswa baru semasa program minggu suai kenal serta program rasmi di peringkat kolej dan fakulti. Program 'Alumni Reunion- Alumni Weekend' telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

English Language, which is the most important criteria in their being able to complete in the job market, after they some graduated. Apart from this, the "English Zone" will also help to improve UPM students' academi performance, communication skills and enhance leadership qualities to be emulated by others. To implement this programme, a number of locations at UPM have been identified including those at the administration buildings, faculties and residential colleges. All students who happen to be at these locations are required to converse and transact business in the English Language.

Career and Entrepreneurial Programme

Efforts to achieve the University's main goal as contained in the Strategic Plan, also involves the Career Service Centre and the Alumni (PPKA). Throughout 2004, the PPKA organised a variety of programmes and activities to benefit students with the involvement and participation of the Alumni. Among the activities organised were:

- Get That Job Workshop
- Preparation for Interviews Workshop
- IPT 2004, Graduate Entrepreneurship Symposium
- Career Talk
- Entrepreneurship Talk

Apart from this, the PPKA's determined efforts in bringing back the former Alumni to share their experiences at college and faculty levels with the new students during the orientation week programme proved successful. The Alumni Reunion-Alumni Weekend programme was introduced in 2004 and was met with overwhelming and encouraging response. This programme will be continued from time to time.



*mahasiswa UPM
 memberi bantuan kepada
 mangsa tsunami dalam
 bentuk khidmat sukarela,
 kemahiran dan
 kepakaran serta wang*

Mahasiswa Prihatin

Tragedi ombak besar tsunami yang melanda beberapa kawasan di negara ini iaitu di negeri Pulau Pinang, Perak dan Kedah menyebabkan semua masyarakat di Malaysia bersatu hati menghulurkan pelbagai bentuk sumbangan. Tidak terkecuali bagi mahasiswa UPM sendiri yang turut serta memberi bantuan dalam bentuk khidmat sukarela, kemahiran dan kepakaran serta wang ringgit. Sikap prihatin ditunjukkan sendiri apabila sukarelawan UPM yang terdiri pelajar dan staf merupakan sukarelawan IPTA pertama yang tiba di Kuala Muda, Kedah untuk menghulurkan bantuan. Kumpulan sukarelawan ini terdiri daripada 37 orang mahasiswa Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan diketuai Dr. Rosnani Abdul Kadir dan Abdul Raof Abdul Rahman. Tumpuan tugas kumpulan ini adalah memberi khidmat kaunseling kepada mangsa yang masih dalam keadaan trauma dan ketakutan.

Selain itu, sekumpulan 40 orang mahasiswa dan pegawai akademik (Doktor Perubatan) dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan turut berlepas ke Kuala Muda. Kumpulan yang diketuai Prof. Madya Dr. Zarida Hambali ini dipecahkan kepada tiga kumpulan kecil. Setiap kumpulan ini memberi fokus bantuan kepada soal moral dan fizikal mangsa bencana yang terbesar melanda Asia itu.

Kumpulan terbesar mahasiswa UPM seramai 142 orang yang diiringi lapan pegawai turut memberi bantuan tenaga bagi membersihkan

Caring Students

The tsunami tragedy that swept through certain areas in this country, especially in Penang, Perak and Kedah, saw all Malaysians coming together in pooling their resources and donating in cash and kind. Without exception, UPM students and staff from the IPTA volunteer group were involved in every form of voluntary service and the offering of specialized skills and finance. This caring attitude was seen as students and staff from the UPM volunteer group were the first volunteers to arrive at the tragic scene in Kuala Muda, Kedah to offer help. This group comprised of 37 students from the Counselling and Guidance Department and from the Faculty of Educational Studies. They were led by Dr. Rosnani Abdul Kadir and Abdul Raof Abdul Rahman. The special services provided by this team included counselling the victims, who were still in a state of fear and trauma.

Apart from this a group of 40 volunteers comprising of students and academic officials (Medical Doctors) from the Faculty of Medicine and Health Science, proceeded immediately for Kuala Muda. This group, which was led by Assoc. Prof. Dr. Zarida



kawasan sekitar dan kesan kemusnahan yang melanda penempatan di sekitar Kuala Muda. Wakil UPM juga berjaya mengumpulkan sejumlah wang dan pakaian hasil sumbangan mahasiswa untuk diagihkan kepada mangsa termasuk mangsa tsunami di Aceh, Indonesia.

Bimbingan dan Kaunseling

Pada 14 Julai 2004 Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa (BHEM) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan klinik kaunseling. Klinik ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada mahasiswa untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, B'HEM. Dengan pelaksanaan Klinik Kaunseling ini ia memberi peluang kepada mahasiswa yang tidak berkesempatan bertemu kaunselor pada waktu pejabat dapat mengambil kesempatan untuk berjumpa di luar waktu pejabat. Perkhidmatan terus menemui mahasiswa di kolej kediaman pula diadakan pada minggu kedua dan keempat setiap bulan.

Bermula 2004 juga UPM meningkatkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada mahasiswa melalui elektronik atau lebih dikenali sebagai E-Bika (Elektronik Bimbingan dan Kaunseling). Menurut statistik seramai 5,970 orang mahasiswa telah menggunakan perkhidmatan kaunseling secara dalam talian sepanjang tahun 2004.

Kompleks Perumahan Siswazah

Pada tahun 2004, UPM berjaya menyiapkan Kompleks Perumahan Siswazah dalam usaha memberi perhatian soal kebajikan pelajar siswazah terutama menyediakan

Hambali was divided into three smaller groups. Each group gave focused assistance and attention that catered to both the moral and physical needs of the victims hit by Asia's biggest disaster.

The largest group of UPM students consisting of 142 people, accompanied by 8 officers, gave physical assistance by cleaning the surroundings and the aftermath of the destruction that hit the settlements around Kuala Muda. The UPM representatives also successfully collected money and clothes donated by the students to be distributed to the victims including those in Aceh, Indonesia.

Guidance and Counselling

On the 14th of July, the Student Affairs Division took the initiative to create a counselling clinic. The purpose of this clinic was to provide facilities to students to receive services given by the Guidance and Counselling Unit. By carrying out this counselling clinic, opportunities were given to students who did not have the chance to meet counsellors during office hours to take advantage of this privilege and meet them after office hours. These counselling services were also made available to students at the residential colleges, on the 2nd and 4th week of each month.

Beginning 2004, UPM also upgraded its guidance and counselling services to students through the electronic medium better known as E-Bika (Electronic Guidance and Counselling). According to statistics, a total of 5970 students used this form of counselling service throughout 2004.

penempatan yang selesai. Projek bernilai lebih RM 15 juta ini mengandungi 9 blok pangsapuri 5 tingkat di mana 160 unit rumah telah diperuntukan untuk menempatkan pelajar siswazah terutamanya pelajar antarabangsa. Setiap unit rumah siswazah ini dilengkapi tiga bilik tidur, bilik belajar dan bilik air. Bilik belajar pula dilengkapi dengan kemudahan internet point. Selain daripada kemudahan penginapan kompleks ini turut mempunyai sebuah bangunan kemudahan pelajar, tempat letak kereta yang mencukupi, pondok keselamatan dan padang permainan untuk kanak-kanak.

D) Pilihan Raya Kampus

Pilihan raya kampus telah diadakan pada 15 September 2004 untuk pemilihan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2004/2005. Pada hari pembuangan undi sebanyak tujuh buah pusat pengundian telah dibuka, dua di kawasan fakulti, tiga di kolej kediaman kampus UPM, satu di Bahagian Teknologi Maklumat, satu di Kolej Sri Rajang, Kampus Bintulu dan satu di Panggung Percubaan, PKKSSAAS. Peratus mahasiswa turun mengundi pula melonjak sebanyak 93.97% iaitu seramai 21,544 orang berbanding hanya 19,044 orang bagi kedua-dua kampus UPM Serdang dan Bintulu pada tahun lalu. Sebanyak 48 anggota MPP telah dipilih melalui pilihanraya pada kali ini. Majlis angkat sumpah dan ikrar untuk barisan MPP pada kali ini telah diadakan pada 28 September 2004 dimana Adli Mohd Shariff telah dipilih sebagai presiden untuk sesi 2004/2005. Barisan MPP pada tahun ini memilih visi sejajar dengan visi universiti untuk menjadi universiti dunia iaitu Pemangkin Mahasiswa Universiti Kelas Pertama. MPP juga berazam dan berusaha untuk menjadi pemangkin ke arah pencapaian hasrat tersebut dengan membantu mahasiswa menyediakan diri untuk menghadapi cabaran menjadi mahasiswa di sebuah universiti bertaraf dunia.

Graduate Residential Complex

In 2004, UPM completed the graduate residential complex in its efforts to provide attention to the welfare of graduate students by providing comfortable accommodation. This project costing more than RM15 million, consists of 9 blocks of apartments, 5 stories high, where a total of 160 units were allocated to house graduate students, especially those from overseas. Each unit comes with 3 bedrooms, a study room and toilet facilities. The study room is equipped with internet points. Besides accommodation facilities, the complex also has a student facility centre, ample parking lots and a children's playground.

D) Campus Elections

The campus elections were held on 15 September 2004 to chose the members of the Student Representative Council for the 2004/2005 session. On election day, 7 voting centres were opened, 2 in the faculty areas, 3 in the residential colleges, 1 in the Information Technology Division, 1 at Sri Rajang College, Bintulu campus and 1 at the Experimental theatre, PKKSSAAS. 93.97% of the students totalling 21,544 came out to vote compared to the previous year where only 19,044 students from both the main campus and the branch campus voted. 48 members were selected in that election. The oath taking ceremony for the selected candidates was held on 28th. September 2004. Adli Mohd Shariff was elected as the president for the 2004/2005 session. The Student Representative Council selected a tagline in line with the university's vision to become a world class university that is "First Class University Student Catalysts". The Student Representative Council also by helping students prepare themselves to face the challenges of being students of a world class university.





Kecemerlangan Penyelidikan

Research
Excellence

Pencapaian UPM dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R & D) sepanjang tahun 2004 adalah amat membanggakan. Usaha UPM untuk menjadi sebuah universiti yang terkemuka dalam penyelidikan telah terkandung dalam matlamat kedua Pelan Strategik 2001-2010. Oleh itu, pelbagai perancangan dan pelan tindakan telah disusun ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Geran Penyelidikan

UPM adalah penerima geran IRPA (Intensification of Research in Priority Areas) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang terbesar berbanding dengan institusi penyelidikan yang lain di Malaysia. Walaubagaimanapun, sepanjang tahun 2004, hanya 41 permohonan IRPA dari UPM diluluskan oleh MOSTI. Penurunan mendadak jumlah penerimaan geran ini ialah kerana peraturan baru MOSTI yang menetapkan seorang penyelidik hanya boleh mengetuai satu projek sahaja dan hanya memberi peluang untuk sesiapa yang tidak pernah menjalankan sebarang projek IRPA.

UPM's achievements in research and development (R & D) throughout 2004 is something to be extremely proud of. Its efforts to be a university that is reputed in research are outlined as the second goal in the Strategic Plan 2001-2010. Therefore, various programmes and action plans have been arranged to achieve the above objective.

Research Grants

UPM is the biggest recipient of the IRPA Grants (Intensification of Research in Priority Areas) from the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) when compared to other research institutions in Malaysia. Nevertheless, throughout 2004, only 41 IRPA applications from UPM have been approved by MOSTI. The sudden decrease in grants received was due to new rules of MOSTI when it decided that there will only be one researcher heading one project. Preference will be given to those who have not carried out any IRPA projects.

PERUNTUKAN RANCANGAN MALAYSIA KE - 8 (RMK8) PROVISION IN THE 8TH MALAYSIA PLAN (EMP)

Tempoh / Period : 2001-2005 (Setakat 2004 / Until 2004)

<ul style="list-style-type: none"> • Sumber Dana dari Kerajaan (MOSTI) / Source of Fund from Government 		
• RRP - EAR(456 projek / project):		RM74,175,063
• IRPA PR (34 projek / project):		RM35,000,424
• IRPA - SR (7 projek / project):		RM57,642,750
• Top Down National Biotechnology (9 projek / project):		RM14,999,611
<ul style="list-style-type: none"> • (MOE / MOE) Geran Penyelidikan Fundamental / Fundamental Research Grant 		
• 116 projek / project		RM2,800,00
• 105 projek / project		RM4,700,000

Nota / Note:

- IRPA - Intensification of Research in Priority Areas*
- EAR - Experimental Applied Research*
- PR - Prioritised Research*
- SR - Strategic Research*
- MOE - Ministry of Education*

Bagi RMK-8 (bagi tempoh 2001-2005), jumlah geran IRPA setakat Disember 2004 ialah RM166,818,237. Geran Top Down National Biotechnology juga merupakan dana yang diperolehi dari MOSTI walaupun bukan di bawah kategori IRPA. Jumlah penerimaan dana bagi UPM ialah RM 14,999,611 dengan jumlah 9 projek kesemuanya.

Dana Geran Penyelidikan Fundamental yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pula menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun iaitu sebanyak RM3 juta pada 2002 dan RM4.7 juta pada tahun 2003. Peruntukan diagihkan kepada 105 projek penyelidikan. Projek-projek penyelidikan fundamental yang diterima pada tahun 2003 masih dijalankan pada tahun 2004.


For the 8th Malaysian Plan (2001-2005), the total IRPA grants until December 2004 was RM166,818,237. Top Down National Biotechnology grants were obtained from MOSTI, although not under the IRPA category. The total fund received by UPM amounted to RM 14,999,611 for nine projects.

The Fundamental Research Fund Grants received from the Ministry of Education Malaysia showed an increase from year to year, with RM3 million in 2002 and RM4.7 million in 2003. The allocation was distributed among 105 research projects. All fundamental projects initiated in 2003 were still being continued in 2004.

STATISTIK PECAHAN PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN IRPA RMK-8 MENGIKUT SEKTOR-SETAKAT 2004
STATISTICAL BREAKDOWN OF EMP - 8 IRPA RESEARCH GRANTS ALLOCATION
ACCORDING TO SECTORS UNTIL 2004

Sektor / Sector	Bil. Projek / No. of project	Jumlah Peruntukan (RM)/ Total Allocation (RM)	% No. projek/ % No. of Project	% Jumlah Peruntukan/ % Total Allocation
Agro-Industri / Agro-Industry	121	24,623,664	24.3	14.76
Tenaga, Bahan & Geosains / Power, Materials and GeoScience	3	676,622	0.6	0.41
Pembuatan & Pembinaan / Manufacturing and Construction	51	82,155,360	10.3	49.25
IT & Komunikasi / IT & Communication	17	2,494,720	3.4	1.50
Ekonomi / Economy	22	2,646,819	4.4	1.59
Kesihatan / Health	39	14,502,384	7.8	8.69
Sosial / Social	52	8,806,285	10.5	5.28
Alam Sekitar / Environment	17	2,671,168	3.4	1.60
Sains & Kejuruteraan / Science and Engineering	175	28,241,215	35.2	16.93
JUMLAH/ TOTAL	497	166,818,237	100.0	100.00

PECAHAN GERAN PENYELIDIKAN IRPA RMK-8
 MENGIKUT SEKTOR
 BREAKDOWN OF EMP IRPA GRANTS ACCORDING TO SECTOR



STATISTIK PECAHAN PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN IRPA
 RMK-8 MENGIKUT TAHUN SETAKAT 2004
 STATISTICAL BREAKDOWN OF EMP IRPA RESEARCH GRANTS ALLOCATION EMP ACCORDING
 TO YEARS UNTIL 2004

Tahun / Year	Bilangan Projek / No. of projects	Jumlah Peruntukan (RM) / Total Allocation (RM)
2001	175	36,503,908.00
2002	167	100,588,448.00
2003	114	23,693,086.00
2004	41	6,032,795.00
Jumlah / Total	497	166,818,237.00

Paten dan Pengkomersialan

Kepentingan menjaga harta intelek adalah penting bagi memastikan hasrat kerajaan merealisasikan matlamat K-Ekonomi dan Wawasan 2020 tercapai. UPM turut memainkan peranannya dengan menggalakkan para penyelidik untuk mempatenkan hasil penyelidikan mereka. Dasar UPM yang memutuskan bahawa mana-mana produk penyelidikan yang ingin menyertai pertandingan reka cipta dan penyelidikan khususnya di peringkat antarabangsa perlulah dipatenkan terlebih dahulu atau telah memulakan proses pendaftaran paten. Dasar baru yang mula dikuatkuasakan pada 2004 telah menyaksikan lonjakan dalam permohonan paten oleh para penyelidik sepanjang tahun 2004.

Patents and Commercialisation

The importance of safeguarding intellectual property is important in order to ensure the government's desire in realising its k-economy and Vision 2020 objectives. UPM also has played its role by encouraging researchers to patent their inventions. UPM's policy is that all research products that are entered into any invention competitions and research especially at international level should be patented earlier, or be in the registration process of being patented. This new policy that was enforced in 2004 has witnessed an increase in the number of patent applications by researchers throughout 2004.



Sesi Pembentangan dan Penilaian Paten telah diadakan untuk memproses permohonan paten daripada penyelidik UPM yang ingin menggunakan peruntukan dana paten yang telah diwujudkan. Sebanyak 14 permohonan telah diterima oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk tahun 2004. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 permohonan telah disokong oleh Jawatankuasa Kerja Permohonan Paten berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Sebanyak 54 hasil penyelidikan yang melibatkan 33 penyelidik UPM telah dibiayai menggunakan peruntukan dana paten tersebut dan jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak RM405,063.84. Ini telah menjadikan baki dana paten adalah sebanyak RM94,936.16. Jumlah permohonan paten Malaysia dan di luar Malaysia secara keseluruhan bagi hasil penyelidikan UPM untuk tahun 2004 adalah sebanyak 111. Tujuh puluh empat daripadanya telah didaftarkan (pending) ke Perbadanan Harta Intelek (PHIM) di bawah Akta Paten 1983 dan 32 yang lain sedang dalam proses permohonan. 4 reka cipta telah berjaya mendapat sijil paten. 3 daripada reka cipta tersebut adalah daripada Fakulti Kejuruteraan iaitu *Putra Block* (Prof. Madya Dr. Mohd. Razali Abdul Kadir), *HO-meter* (Prof. Madya Dr. Husaini Omar) dan *Stone Mastic Asphalt With Celulos Oil Palm Fiber* (En. Ratnasamy Muniandy). Manakala reka cipta daripada Fakulti Sains yang berjaya mendapatkan sijil paten ialah *Latexometer* (Prof. Dr. Kaida Khalid).

The presentation and evaluation of patents session was held to process patent applications from UPM researchers interested in using the patent provision fund that had been established earlier. As many as 14 applications were received by the Research Management Centre (RMC) for 2004. Nine of the applications were supported by the Working Committee for Patent Application based on the evaluation criteria that had been set by the University. A total of 54 research findings involving 33 UPM researchers were funded by the patent provision fund and the total expenditure involved was RM405,063.84. This left a balance of RM94,936.16 in the Patent Fund. The total number of Malaysian patent applications both internally and externally as for UPM research findings for 2004 is 111. Seventy four of them have been sent for registration (pending) to the Agency for Intellectual property. (PHIM). Thirty two others are in the process of application. The three inventions that succeeded in getting their patent certificates were from the Faculty of Engineering namely the *Putra Block* (Prof. Madya Dr. Mohd. Razali Abdul Kadir), *HO-meter* (Prof. Madya Dr. Husaini Omar) and *Stone Mastic Asphalt With Celulos Oil Palm Fiber* (En. Ratnasamy Muniandy). The invention from the Faculty of Science that received a patent certificate is the *Latexometer* (Prof. Dr. Kaida Khalid).

Jumlah keseluruhan bilangan penerbitan bagi tahun 2004 adalah 4,029, meningkat hampir dua kali ganda berbanding dengan penerbitan pada tahun 2003

UPM dalam masa yang sama menggiatkan lagi usaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikannya melalui aktiviti R & D Commercialization Luncheon. Sebanyak 4 aktiviti tersebut telah disusun sepanjang 2004. Program yang disusun ini bertujuan membina rangkaian strategik terus dengan pihak industri. Ia juga dapat memperkenalkan produk penyelidikan UPM kepada pihak industri. Empat hasil penyelidikan yang terpilih ialah *Infectious Bursal Disease Vaccine* (Prof Madya Dr. Mohd Hair Bejo), *Anti Ageing Food Products* (Prof Dr Suhaila Mohamed), *High Performance Biodegradable Synthetic Lubricants From Palm Oil* (Dr. Robiah Yunus) and *Commercializing Specialty Oil and Antioxidant Formulation from Rice Bran* (Prof Madya Dr Maznah Ismail).

Penerbitan


Jumlah keseluruhan bilangan penerbitan bagi tahun 2004 adalah 4,029, meningkat hampir dua kali ganda berbanding dengan penerbitan pada tahun 2003 iaitu sebanyak 2,827. Maklumat lengkap dapat dirujuk pada Rajah A dan Jadual berikut:

UPM at the same time has intensified its efforts to commercialise its research findings through the R & D Commercialization Luncheon event. This programme was arranged with the purpose of building direct strategic networks with the industry. Through this avenue, UPM was also able to introduce its research products to them. Four research findings that were selected were *Infectious Bursal Disease Vaccine* (Assoc. Prof. Dr. Mohd Hair Bejo), *Anti Ageing Food Products* (Prof Dr Suhaila Mohamed), *High Performance Biodegradable Synthetic Lubricants From Palm Oil* (Dr. Robiah Yunus) and *Commercializing Specialty Oil and Antioxidant Formulation from Rice Bran* (Assoc. Prof Dr. Maznah Ismail)

Publications

The total number of publications for the year 2004 was 4,029, almost double the number published in 2003 which was only 2,827. Complete information can be seen in Figure A and in the table below:

PENERBITAN R & D UPM 2004
R&D PUBLICATION UPM 2004



RAJAH A
FIGURE A

Sesi Pembentangan dan Penilaian Paten telah diadakan untuk memproses permohonan paten daripada penyelidik UPM yang ingin menggunakan peruntukan dana paten yang telah diwujudkan.



JADUAL : BILANGAN PENERBITAN BAGI TAHUN 2004 /
 SCHEDULE: NO. OF PUBLICATION FOR YEAR 2004

Penerbitan / Publication	Jumlah / Total
Jurnal / Journal	
• Negara Asing / Foreign	892
• Malaysia / Malaysian	470
Persidangan Prosiding / Conference Proceedings	
• Negara Asing / Foreign	488
• Malaysia / Malaysian	1316
Buku / Books	181
Lain-lain / Others	682
JUMLAH	4029

Anugerah, Pencapaian dan Kejayaan

Tahun 2004 merupakan tahun kejayaan buat UPM. Penyertaan pameran di peringkat antarabangsa telah membuahkan hasil yang bukan sedikit apabila UPM memenangi 100% anugerah daripada penyertaan yang dibuat di dalam empat pameran. Antara pameran antarabangsa tersebut ialah:

- 1 IENA: International Exhibition-Ideas-Inventions-New Products 2004**
- 2 I-TEX: International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition 2004**
- 3 Geneva-Palexpo: International Exhibition of Inventions New Techniques and Products 2004**

Ternyata UPM mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan membuka mata dunia terhadap bidang penyelidikan dan kepakaran di Malaysia. Tambah membanggakan apabila sekali lagi penyelidik daripada UPM memenangi anugerah Ram Rais Bio-technology Award melalui pameran ITEX 2004. Kali ini Prof. Dr. Mahiran Basri mengambil tempat sebagai penerima anugerah unggul tersebut. Kejayaan yang bukan sedikit juga dapat dilihat apabila UPM merangkul kejayaan Reka Bentuk *Booth* Terbaik (Johan) mengekalkan kejayaan lepas dan mencipta sejarah 2 kali berturut-turut sebagai '*booth*' terbaik di Pameran Expo Sains, Teknologi & Inovasi 2004, di samping memenangi 23 anugerah daripada 26 penyertaan yang dibuat. (Maklumat terperinci anugerah, adalah seperti berikut:-

Awards, Achievements and Successes

2004 was a successful year for UPM. Participations at international exhibitions ensured a clean sweep of 100% of the awards in 4 different exhibitions. Among them were:

- 1. IENA: International Exhibition-Ideas-Inventions-New Products 2004**
- 2. I-TEX: International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition 2004**
- 3. Geneva-Palexpo: International Exhibition of Inventions New Techniques and Products 2004**

It was very clear that UPM could compete at international levels and this helped to open the world's eyes towards the fields of research and expertise in Malaysia. Another moment of glory was when Prof. Dr. Mahiran Basri won the coveted 'Ram Rais Bio-technology Award' at the ITEX 2004. In addition, UPM also won the Best Designed Booth which it repeatedly won for the last two years at the Science, Technology and Innovation Expo 2004. UPM also won 23 other medals out of 26 contested. Details of the Awards are as follows:-

AKTIVITI PAMERAN PENYELIDIKAN DAN ANUGERAH PENYELIDIKAN

a) Pameran IENA : International Exhibition – Ideas-Inventions- New Products 2004

Pameran IENA ini telah berlangsung di Nuremberg, Jerman pada 28-31 Oktober 2004. Seramai 6 orang penyelidik telah mewakili UPM dan mempertandingkan 7 produk penyelidikan. Kesemua produk tersebut berjaya memenangi anugerah di mana 3 emas, 3 perak dan 1 gangsa dibawa pulang bersama Anugerah Khas Switzerland yang di berikan kepada penyelidik oleh Prof. Madya Dr. Fakhruil-Razi Ahmadun.

b) Pameran BIS : The British Invention Show 2004

Pada 21-24 Oktober 2004, 5 pingat emas dan 3 perak dibawa pulang oleh enam orang penyelidik yang mempertandingkan 8 hasil penyelidikan mereka di Alexandra Palace, London ini. Nyata komitmen tinggi daripada mereka hingga ke luar negara membuahkan hasil.

c) Pameran I-TEX : International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition 2004

Tanggal 20-22 Mei 2004 bertempat di Mid Valley, Kuala Lumpur sekali lagi UPM berjaya memenangi anugerah bagi kesemua penyertaan dalam pameran I-TEX 2004. Lapan pingat yang dimenangi ialah 1 pingat emas, 2 perak dan 5 gangsa. Melalui pameran yang dianjurkan oleh MINDS dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini juga Anugerah Khas: Ram Rais Bio-Technology Award menjadi milik penyelidik UPM iaitu Prof. Dr. Mahiran Basri melalui hasil penyelidikannya *MBSofax*.

d) Pameran INPEX – Invention and New Product Exposition 2004

Pameran INPEX diadakan di Pittsburgh, USA pada 12-15 Mei 2004. Pameran bertaraf antarabangsa yang berlangsung selama 4 hari ini telah disertai seramai 4 orang penyelidik UPM. Pada pameran tersebut UPM memenangi 3 emas, 1 perak dan 1 gangsa di samping 2 anugerah khas dan 1 pemenang Grand Prix 2nd Runner Up.

RESEARCH EXHIBITIONS AND AWARDS

a) IENA : International Exhibition - Ideas-Inventions - New Products 2004

This exhibition was held in Nuremberg, Germany from 28-31 October 2004. A total of 6 researchers represented UPM and 7 research products were contested. All the products won awards; 3 gold, 3 silver and 1 bronze medal were brought home together with a Special Award that was given to Assoc. Prof. Dr. Fakhru'l-Razi Ahmadun.

b) BIS : The British Invention Show 2004

From 21-24 October 2004, 5 gold medals and 3 silvers were brought home by 6 researchers who had submitted 8 research findings at Alexandra Palace, London. It is very evident that the total commitment shown by the researchers even in overseas has brought results.

c) I-TEX : International Invention, Innovation and Technology Exhibition and Competition 2004

From 20-22 May 2004 at Mid Valley, Kuala Lumpur once again UPM succeeded in winning awards for all its entries in the I-TEX 2004. 8 medals were won: 1 gold, 2 silver and 5 bronze medals. At the exhibition that was organised by MINDS and the Ministry of Science, Technology and Innovation the Ram Rais Bio-Technology Award became the property of Dr. Mahiran Basri for his research finding *MBSofax*

d) INPEX - Invention and New Product Exposition 2004

INPEX was held at Pittsburgh, USA from 12-15 May 2004. This international exhibition was held for 4 days and UPM was represented by 4 researchers. UPM won 3 golds, 1 silver and 1 bronze besides 2 special awards and 1 'Grand Prix 2nd Runner Up' award.

Pameran ini telah diadakan di Geneva, Switzerland pada 1 April hingga 4 April 2004

e) Pameran Geneva-Palexpo: International Exhibition of Inventions New Techniques and Products 2004

Melalui pameran Geneva ini, UPM telah berjaya membawa pulang 10 pingat, iaitu 2 emas, 6 perak dan 2 gangsa yang mana semua penyertaan UPM membawa pulang pingat. Pameran ini telah diadakan di Geneva, Switzerland pada 1 April hingga 4 April 2004. Sepuluh orang penyelidik yang terlibat adalah daripada Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Alam Sekitar, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan Veterinar.

f) Pameran S&T : Expo Science, Innovation & Technology

Pameran S&T ini telah diadakan di Dewan Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 27-29 Ogos 2004. UPM telah berjaya menggondol 23 pingat daripada 26 penyertaan pada pameran peringkat Kebangsaan ini. Di samping itu, UPM juga turut memenangi anugerah *Booth* Terbaik, yang mana merupakan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut.

PAMERAN-PAMERAN LAIN YANG DISERTAI

National Summit on Innovation - R&D Innovation Showcase Exhibition

Pameran ini telah berlangsung pada 29 April hingga 1 Mei 2004 di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan dan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Hj. Badawi. Kesemua delegasi penyelidik UPM yang telah berjaya di Pameran Geneva iaitu seramai 10 orang telah mengambil bahagian dalam pameran ini.

e) Geneva-Palexpo: International Exhibition of Inventions New Techniques and Products 2004

Through this exhibition, which was held in Geneva, Switzerland, from 1-4 April 2004, UPM brought home 10 medals, comprising 2 golds, 6 silvers and 2 bronzes. The 10 researchers who represented UPM were from the Faculty of Engineering, Faculty of Environmental Studies, Faculty of Medicine and Health Sciences and Faculty of Veterinary Medicine.

f) S&T : Expo Science, Innovation & Technology

hanya lawatan penilaian ke atas Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat sahaja yang telah diselesaikan bagi tahun 2004. Lawatan ke atas fakulti lain telah dijadualkan untuk tahun 2005.

the Faculty of Computer Science and Information Technology was successfully completed in 2004. The visits for the above remaining faculties have been scheduled for 2005.

b. Membudayakan sistem pengurusan berkualiti melalui pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi proses pengajaran dan pembelajaran di mana semua entiti akademik di UPM disasarkan untuk mendapat pensijilan MS ISO pada penghujung tahun 2005. Sehingga hujung tahun 2004, enam (6) entiti akademik di UPM berjaya memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000.

b. To exhibit a quality management system culture, through MS ISO:9001-2000 certification for the process of learning and teaching whereby all academic entities are targeted to receive MS ISO by the end of 2005. Until the end of 2004, six (6) academic entities in UPM received MS ISO 9001:2000 certification.

**STATUS PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI BAGI ENTITI AKADEMIK, UPM
IMPLEMENTATION STATUS OF QUALITY MANAGEMENT SYSTEM FOR ACADEMIC ENTITIES AT UPM**

Pusat Tanggungjawab Faculty/Division	Tahun Persijilan Year of Certification
Fakulti Perubatan Veterinar Faculty of Veterinary Medicine	Semenjak 2000 Since 2000
Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Semenjak 2001 Since 2001
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Faculty of Science and Environmental Studies	Semenjak 2002 Since 2002
Fakulti Ekologi Manusia Faculty of Human Ecology	Semenjak 2003 Since 2003
Fakulti Pertanian Faculty of Agriculture	Semenjak 2003 Since 2003
Bahagian Keselamatan Safety/Security Division	Semenjak 2003 Since 2003
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Faculty of Economics and Management	2004
Lain-lain fakulti Other Faculties	2004
Sekolah Pengurusan Siswazah Graduate School of Management	Dalam proses In process
Pusat Pendidikan Luar Centre for External Education	Dalam proses In process



c. Akreditasi Program Profesional

UPM sentiasa mengekalkan akreditasi bagi semua program akademik profesional. Semua staf akademik program profesional sentiasa digalakkan mendaftar dengan badan akreditasi seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Perubatan Malaysia, Lembaga Veterinar Malaysia, Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia dan Persatuan Kaunseling Malaysia.

d. Fellowship dan Biasiswa Antarabangsa serta program kerjasama (MoU) dalam bidang akademik antara universiti dan institusi luar negara.

Sepanjang tahun 2004, seramai 39 staf akademik UPM telah berjaya menerima anugerah Fellowship dan Biasiswa Antarabangsa.

C. Accreditation of Professional Programmes.

UPM always maintained accreditation, for all its professional academic programmes. All professional academic programme staff have always been encouraged to register with accreditation entities such as the Malaysian Engineering Board, The Malaysian Medical Board, the Malaysian Veterinary Board, the Malaysian Institute of Chartered Accountants, and the Malaysian Counselling Society.

d. Fellowship and International Scholarships as well as collaborations (MOU) in the academic field between the university and foreign institutions.


Throughout 2004, a total of 39 academic staff at UPM succeeded in receiving fellowship awards and International scholarships.

FELLOWSHIP BIASISWA / SCHOLARSHIP	PENGANJUR / SPONSOR
UNESCO Fellowship Programme in Support of Priority Programme Areas for 2004/05	United Nations Educational, Scientific & Cultural Organization (UNESCO)
Commonwealth Scholarship & Fellowship Plan	Association of Commonwealth Universities (ACU)
Bioindustries II	Japan Bioindustry Association (JBA)
Kalinga Prize for the Population of Science	United Nations Educational, Scientific & Cultural Organization (UNESCO)
JSPS' VCC General Exchange bagi tahun 2004	
British Chevening Scholarships Royal Society Malaysian Fellowship 2004/05	British Council Royal Society, UK
British Council Royal Society, UK Shiga Prefectural Government n̄ Biwako Prize for Ecology 2004	Universiti of Otago, New Zealan Shiga Prefectural Government
Shiga Prefectural Government	Shiga Prefectural Government
Call for the 18th Khwarizmi International Award Ministry of Science, Research Technology, (IROST)	Ministry of Science, Research Technology, (IROST)
The JSPS Ronpaku (Dissertation PhD program for 2005)	Japanese Society for the Promotion of Science
Kokugakuin University n̄ Visiting Programme for the year 2005	Research Kokugakuin University, Japan
Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA)	Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA)
New Zealand International Postgraduate Research Scholarships 2005	New Zealand Government
Canadian Commonwealth Scholarship 2005/06	Canadian Government
Visiting Research Scholar (Individual & Team Research Organizer 2007/2008)	The International Research Center for Japanese Studies
Japan Foundation Grants Progress Fiscal Year 2005/2006	Japan Foundation

Sepanjang tahun 2004 juga, sebanyak lapan (8) Memorandum Persefahaman (MoU) antara institusi peringkat antarabangsa telah ditandatangani. Dalam pada itu terdapat juga beberapa institusi yang berminat untuk memperbaharui perjanjian kerjasama yang termeterai sebelum ini.

Throughout 2004, a total of eight Memorandums of Understanding (MOU) were established and signed with International Institutions of higher learning. In addition to this, there are also a number of institutions who are interested to renew their previous agreements.

NO. NO.	INSTITUSI / NEGARA INSTITUTIONS / COUNTRIES	TARIKH TANDATANGAN / DATE OF SIGNING
1.	Tokyo University of Agriculture, Jepun	16 Mac 2004 / 16 March 2004
2.	Chungnam National University, Korea	6 April 2004
3.	Egerton University, Kenya	6 April 2004
4.	Institut Pertanian Bogor, Indonesia Bogor Institute of Agriculture, Indonesia	23 Julai 2004 / 23 July 2004
5.	The Forestry and Forest Products Research Institute, Jepun (FFPRI)	23 Julai 2004 / 23 July 2004
6.	Chiba University, Jepun	1 Disember 2004 / 1 December 2004
7.	Functional Food Creation Research Institute Pte. Ltd., Jepun	13 Disember 2004 / 13 December 2004
8.	Cantho University, Vietnam	21 Disember 2004 / 21 December 2004





Pengurusan proses berkualiti dilaksanakan melalui membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti melalui pensijilan MS ISO 9001:2000;

Pengurusan Proses Berkualiti

Pengurusan proses berkualiti dilaksanakan melalui membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti melalui pensijilan MS ISO 9001:2000;

- a. bagi proses perkhidmatan/pentadbiran, semua entiti pentadbiran utama di UPM disasarkan untuk mendapat persijilan MS ISO pada penghujung tahun 2004.

Quality Management Process

The quality management process is implemented through the establishment of a Quality Management System Culture, via the MS ISO 9001:2000 certification.

- a. For the administration/services process, all prioritized administration entities at UPM have been scheduled to receive the MS ISO certification by the end of 2004.

ENTITI PERKHIDMATAN / PENTADBIRAN YANG MENERIMA
PENSIJILAN ISO 9001:2000
SERVICE/ADMINISTRATION ENTITIES THAT HAVE RECEIVED ISO 9001:2000 CERTIFICATION

Pusat Tanggungjawab Centre of Responsibility	Tahun Persijilan Year of Certification
Bahagian Keselamatan Security Division	Semenjak 2003 Since 2003
Pusat Kesihatan Mahasiswa Student Health Centre	2004 2004
Pejabat Pendaftar Registry	2004 2004
Perpustakaan Sultan Abdul Samad Sultan Abdul Samad Library	Dalam Proses In Process
Bendahari Bursary	Dalam Proses In process
Kolej Kediaman Residential Colleges	Dalam Proses In Process

ENTITI AKADEMIK YANG MENERIMA PENSIJILAN ISO 9001:2000
ACADEMIC ENTITIES THAT HAVE RECEIVED ISO 9001:2000 CERTIFICATION

Pusat Tanggungjawab Centre of Responsibility	Tahun Persijilan Year of Certification
Fakulti Perubatan Veterinar Faculty of Veterinary Medicine	Semenjak 2000 Since 2000
Fakulti Kejuruteraan Faculty of Engineering	Semenjak 2003 Since 2003
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Faculty of Science and Environmental Studies	Semenjak 2003 Since 2003
Fakulti Ekologi Manusia Faculty of Human Ecology	Semenjak 2003 Since 2003
Institut-institut Penyelidikan Research Institutes	Dalam Proses In Process
Pusat Pengurusan Penyelidikan Research Management Centre	Dalam Proses In Process

PERANCANGAN STRATEGIK DAN TADBIR URUS YANG TELUS

a. Pemantauan Prestasi Pelan Strategi Menggunakan Pendekatan *Balanced Scorecard*

Komitmen Pihak Pengurusan Universiti dalam Pelan Strategi UPM menjelang tahun 2020 adalah untuk menjadi universiti bertaraf dunia dan dijangka akan mencapai kedudukan ke-20 teratas antara universiti terkemuka di Asia. Bagi maksud tersebut, UPM sentiasa memantau prestasi pencapaian pelan-pelan tindakan yang telah dirancang dalam Pelan Strategi 2001-2010 dengan menggunakan pendekatan *Balanced Scorecard*. Pada tahun 2004, penggunaan pendekatan *Balanced Scorecard* ini telah diperluaskan kepada semua fakulti dan ini dapat membantu fakulti dan seterusnya Pihak Pengurusan Universiti memantau secara lebih berkesan prestasi UPM secara keseluruhannya.

b. Jawatankuasa Pemandu/Penasihat

Selain daripada Pihak-pihak Berkuasa Universiti seperti Lembaga, Senat, Jawatankuasa Tetap Pemilih, Jawatankuasa Tetap Kewangan dll, UPM juga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Pemandu/Penasihat bagi memastikan sistem pengurusan yang cekap, berkesan dan telus seperti:

- i. Jawatankuasa Pemandu Jaminan Kualiti
- ii. Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan
- iii. Jawatankuasa Pemandu Institut dan Pusat
- iv. Jawatankuasa Penasihat Akademik Fakulti
- v. Jawatankuasa Penyelidikan
- vi. Jawatankuasa Audit Dalam

c. Kepuasan Pelanggan

- i. Pihak Pengurusan UPM sentiasa mengambil berat kepada aspek kepuasan pelanggan dalam usaha memantapkan sistem pengurusan berkualiti dalam pelaksanaan semua fungsi utama universiti iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pentadbiran.
- ii. Bagi mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan ini, beberapa kajian berikut telah dijalankan oleh PTJ seperti penilaian pengajaran pensyarah, penilaian perkhidmatan

STRATEGIC PLANNING AND TRANSPARENT ADMINISTRATION

a. Monitoring Performance of the Strategic Planning Using the *Balanced Score Card* approach.

The commitment of the University Management in the Strategic Plan towards the year 2020 is to make the University into a world class establishment.. It is projected that UPM will attain a "Top 20" position among the most distinguished universities in the Asian region. To achieve this goal, UPM always monitors its performance levels of achievement of the action plans in the Strategic Plan 2001-2010 by administering by administering Balance Scorecard approach. In the year 2004, the usage of the *Balanced Scorecard* approach was extended to all faculties and this helped all faculties and the University Management to monitor effectively its performance levels.

b. Steering and Advisory Committee

Apart from the University's Authorities like the Board, Senate, the Permanent Selection Committee, Permanent Finance Committee and the others, UPM has also created a number of other steering and advisory committees such as the following to ensure a management system that is efficient, effective and transparent:

- i. Steering Committee for Quality Assurance
- ii. Management Perfection Committee
- iii. Steering Committee for Institutes and Centres
- iv. Academic Faculty Advisory Committee
- v. Research Committee
- vi. Internal Audit Committee

c. Customer Satisfaction

- i. UPM's Management takes great pains to see to customer satisfaction by consolidating and implementing an enhanced quality management system in all the main functions of the university namely, teaching and learning, research, professional services and administration.
- ii. To obtain feedback regarding customer satisfaction, various forms of research were carried out by Centres of Responsibilities (PTJ) namely, the evaluation of teaching,

Komitmen Pihak Pengurusan Universiti dalam Pelan Strategi UPM menjelang tahun 2020 adalah untuk menjadi universiti bertaraf dunia dan dijangka akan mencapai kedudukan ke-20 teratas antara universiti terkemuka di Asia





makmal, penilaian perkhidmatan kaunter, penilaian perkhidmatan kesihatan, kajian ke atas pelajar yang akan bergraduasi, kajian pengesanan graduan (*Tracer Study*)

- iii. UPM juga mengadakan sistem aduan am dan sistem aduan kerosakan (pembangunan) bagi memberikan perkhidmatan yang dapat memuaskan hati pelanggan

d. Komunikasi Pelanggan yang Berkesan

- i. Komunikasi Luaran
UPM telah mengadakan sistem komunikasi bagi memudahkan perhubungan dengan pelanggannya melalui laman web yang responsif, sistem pesanan ringkas (SMS) keputusan peperiksaan, Hari Bersama Pelanggan, Piagam Pelanggan, sesi dialog/taklimat dan melalui edaran brosur/flyer, laporan penyelidikan serta laporan tahunan universiti.
- ii. Komunikasi Dalaman
UPM juga sentiasa memastikan komunikasi dalaman yang berkesan dalam memantapkan sistem pengurusan berkualiti melalui Buletin Putra, E-mel, Majlis Bersama Jabatan dan Program Perhimpunan Pegawai.

e. Anugerah Kualiti

Bagi mengekalkan daya saing dan tahap pengurusan kualiti, UPM sentiasa menyertai pertandingan dari segi pengurusan kualiti anjuran kementerian, kerajaan negeri dan juga pihak swasta seperti AKPM, AIPB, AIPA dan lain-lain. Sepanjang tahun 2004, UPM telah berjaya menerima anugerah berikut:

- i Prof Dato' Dr Abdul Salam Abdullah
- ii Prof Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila
- iii Prof Madya Dr. Maznah Ismail

teaching, laboratory services, counter services, health services and research on graduating students and tracing graduates (tracer study)

- iii. UPM also has a general complaint system and a damage complaint system (development) to render satisfactory services to customers.

d. Effective Customer Communication

- i. External Communication

UPM has an effective communication system, to simplify its communication with its customers, through its highly responsive website system of releasing examination results using SMS, Meet the Customer Day, Customer Charter, dialogue/ briefing sessions, brochures/flyers, research reports and finally the university's annual report.


- ii. Internal Communication

UPM always ensures an effective internal communication system by consolidating its quality management system through its' Putra Bulletin, E-mails, departmental gatherings and officers' meetings.

e. Quality Awards

In order to maintain quality management and to further strengthen competitive levels, UPM always takes part in competitions, sponsored by the Ministry, State Government and private bodies such as AKPM, AIPB, AIPA and others. Throughout 2004, the following academics from UPM succeeded in receiving awards:

- i. Prof. Dato' Dr. Abdul Salam
- ii. Prof Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila
- iii. Assoc. Prof Dr. Maznah Ismail



Pengurusan Sumber

Manusia

Human
Resources
Management

*Pada tahun
2004,
seramai 361
orang telah
dilantik
mengisi
pelbagai
kekosongan
jawatan*



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pejabat Pendaftar merupakan entiti utama di UPM yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber manusia iaitu melibatkan hal ehwal berkaitan perjawatan dan perkhidmatan kakitangan. Misi Pejabat Pendaftar adalah untuk memberikan perkhidmatan sumber manusia selaras dengan pelan strategi universiti iaitu :

- a) Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan berteraskan nilai-nilai murni; dan
- b) Membangunkan sumber manusia serta persekitaran kerja yang cemerlang.

Pada tahun 2004, Pejabat Pendaftar telah menggiatkan lagi usaha untuk:

- Memperolehi Pensijilan MS ISO 9001:2000
- Berusaha memastikan pelaksanaan semua urusan mengikut prosedur-prosedur ISO yang ditetapkan
- Memantapkan Unit Latihan untuk meningkatkan lagi kecemerlangan kerjaya staf

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

The Registry is the main entity in UPM that is responsible for human resource management involving issues related to staff appointments and service. The mission of the Registry is to provide human resource services in line with the strategic plan of the university, that is:

- a) To enhance the quality of the management system which is efficient, effective, transparent and client-friendly based on noble values.
- b) To develop human resources and an excellent work environment.

In 2004, the Registry stepped up efforts to:

- Obtain MS ISO 9001:2000 certification
- Strived to ensure the implementation of all affairs according to the given ISO procedures
- Consolidate the Training Unit to increase the career excellence of staff



- Memfokuskan pengambilan kakitangan berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh Pihak Pengurusan Universiti seperti nisbah tenaga pengajar dan pelajar (bagi kakitangan akademik) dan pengisian mengikut kekosongan jawatan bagi kumpulan bukan akademik.

Selaras dengan itu, Pengurusan Pejabat Pendaftar telah mengorak langkah dalam merealisasikan dan mendapatkan Pensijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2004. Tumpuan diberi kepada skop Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Pejabat Pendaftar di dalam perkhidmatan pelantikan staf dan perkhidmatan kenaikan pangkat staf tetap UPM. Setelah usaha gigih dan gerak kerja yang tersusun, akhirnya Pejabat Pendaftar mendapat Pensijilan MS ISO 9001: 2000 pada 15 Disember 2004. Pejabat Pendaftar juga akan memperluaskan skop dalam Sistem Pengurusan Kualiti untuk tahun 2005.

Pelantikan dan Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2004, seramai 361 orang telah dilantik mengisi pelbagai kekosongan jawatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 19 orang Pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 175 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 16 orang Pegawai Kumpulan Sokongan.

- Focusing the intake of staff based on the criteria set by the University Management, such as the student staff ratio (for academic staff) and the filling of vacancies for non-academic staff.

In line with these requirements, the Registry Management Office took steps to realise the dream of MS ISO 9001:2000 certification in 2004. Attention was given to the scope of quality management system in the Registry and in the employment and promotion of staff. After much concerted effort, the Registry finally received its certification on 15 December 2004. The Registry also widened its scope in the area of Quality Management System in 2005.

Appointments and Promotions

In 2004, 361 people were recruited to fill various available positions. Out of this, 19 were officers from Senior Management Group, 175 were from the Professional and Management Group and 16 were from the support staff group.

Throughout 2004, 243 UPM officers were promoted, comprising of 22 persons from top management, 151 from the professional and management category and 70 from the support group. The Public Services Department also agreed to give special consideration to Grade 41 officers from the

Sepanjang tahun 2004 juga seramai 243 orang pegawai UPM dinaikkan pangkat iaitu 22 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 151 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 70 orang Pegawai Sokongan. Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah bersetuju untuk memberikan pertimbangan khas Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun pada 31 Disember 2003 bagi kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) ke Gred 48. Seramai 15 orang pegawai yang terdiri daripada Pegawai Tadbir, Pegawai Pertanian, Pustakawan dan Guru Bahasa telah menikmati pertimbangan khas ini.

Pada tahun 2004, Pejabat Pendaftar juga telah melancarkan Buku Garis Panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat/Lantikan ke Gred Yang Lebih Tinggi. Buku ini menekankan terhadap kriteria-kriteria lantikan dan kenaikan pangkat dalam menetapkan wajaran yang tinggi kepada aspek pengajaran dan penyeliaan pelajar, penyelidikan, perundingan dan penerbitan termasuk aspek kepimpinan akademik serta sumbangan kepada masyarakat dan negara iaitu mengikut tahap jawatan Pensyarah, Profesor Madya dan Profesor.

Jawatankuasa Pilih merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab membantu Pejabat Pendaftar dalam urusan berkaitan pelantikan dan kenaikan pangkat staf UPM. Nama-nama calon yang berjaya bagi pelantikan dan kenaikan pangkat akan dibawa dan seterusnya mendapatkan kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti.

Cuti Belajar

Pada tahun 2004, seramai 157 Pegawai UPM telah diluluskan cuti belajar. Daripada jumlah tersebut hanya dua orang yang diluluskan cuti belajar tanpa biasiswa. Mereka ini menerima tajaan biasiswa daripada pelbagai agensi iaitu seorang (1) menggunakan Canadian Scholarship, seorang (1) menggunakan Darwin Trust Scholarship, 56 orang menggunakan Biasiswa SLAB, 96 orang menggunakan Biasiswa UPM, seorang (1) menggunakan Yayasan Sarawak.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Seramai 343 orang staf UPM terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Profesional dan Kumpulan Sokongan yang telah menerima anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2004.

Professional and Management Group who had served at least 20 years on 31 December 2003 to be promoted to Grade 48. A total of 15 people comprising of administrative and agricultural officers, librarians and language teachers benefitted from this special consideration.

In 2004, the Registry also launched a Book of Guidelines and Criteria for promotions and appointments to higher scales. This book stresses on the criteria used for appointments and promotions by giving due considerations to the aspects of teaching and student evaluation, research, consultation and publishing inclusive of academic leadership aspects as well as contributions towards the society and the country for the posts of Associate Professor and Professor.

The recruitment committee is responsible to the Registry in matters relating to appointments and promotions of UPM staff. Names of staff who qualify for appointments and promotions will be taken to the University Management for approval.

Study Leave

In 2004, a total of 157 UPM officers received approvals for study leave. From this total, only 2 of them were given leave without scholarships as they received sponsorship from two agencies. One received a Canadian Scholarship and another, the Darwin Trust Scholarship. 56 people used the SLAB scholarship while 96 received scholarships from UPM. The other person received a scholarship from the Sarawak Foundation.

Excellent Service Awards

A total of 343 staff from the Professional Management Group and the Support Group received the Excellent Service Award in year 2004.



Anugerah Jasa Putra dan Setia Putra

Selain itu, UPM juga memperuntukan anugerah Jasa Putra iaitu anugerah yang diberikan kepada staf yang telah dan akan bersara pada tahun 2004 sebagai menghargai jasa dan mengiktiraf perkhidmatannya di UPM. Manakala Anugerah Setia Putra pula diberikan kepada staf yang setia dan telah berkhidmat genap 20 tahun di UPM pada tahun 2004. Sejumlah 128 orang penerima bagi anugerah Jasa Putra dan 38 orang penerima anugerah Setia Putra bagi tahun 2004. Seramai 10 orang staf UPM yang telah meninggal dunia turut diberikan anugerah bagi mengenang jasa mereka setia berkhidmat hingga ke ahir hayat bersama UPM.

Anugerah Fellowship Naib Canselor

Selain itu, Anugerah Fellowship Naib Canselor iaitu anugerah yang diberikan kepada staf sebagai pengiktirafan terhadap kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu bidang terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pengajaran bukan hanya kepada Pegawai Akademik sahaja tetapi termasuk staf Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan staf sokongan. Anugerah ini diberikan dalam bentuk geran bernilai RM 10,000.00 dan boleh digunakan oleh penerima bagi tujuan menghadiri kursus, seminar dan aktiviti lain yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan diri dan organisasi.

Penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor 2004

Profesor Madya Dr. Arfah binti Salleh
(Kategori Cemerlang Dalam Pengajaran)

Jasa Putra & Setia Putra Awards

UPM also made allocations for the Jasa Putra awards which are given to staff who have and will retire in 2004 as a form of appreciation and recognition of their services to the university. The Setia Putra award is given to staff who have served for a period of 20 years in 2004. A total of 128 people received the Jasa Putra award and 38 the Setia Putra award for 2004. 10 awards were also given to people who had died during their tenure at the university in recognition of their faithful service and lifelong commitment.

Vice-Chancellor's Fellowship Award

The Vice-Chancellor's Fellowship award is bestowed on staff members, not only academics but also staff belonging to the Management and Professional Group (non-academics) and support staff in recognition of their expertise and skill in selected areas especially in the areas of research and teaching. This award is given in the form of a grant worth RM 10,000.00 and can be used by the recipient to attend courses, seminars and other activities that can contribute towards improving oneself and the organisation.

Recipients of the Vice-Chancellor's Fellowship Awards 2004

Assoc. Professor Dr. Arfah binti Salleh
(Excellence in teaching category)

Assoc. Professor Dr. Sidek bin Abd. Aziz
(Excellence in teaching category)

Professor Dr. Yaakob bin Che Man
(Excellence in research category)

Assoc. Professor Dr. Azmi bin Dato' Yahya
(Excellence in research category)

Profesor Madya Dr. Sidek bin Abd. Aziz
 (Kategori Cemerlang Dalam Pengajaran)

Profesor Dr. Yaakob bin Che Man
 (Kategori Cemerlang Dalam Penyelidikan)

Profesor Madya Dr. Azmi bin Dato' Yahya
 (Kategori Cemerlang Dalam Penyelidikan)

Dr. Jalaludin bin Harun
 (Kategori Cemerlang Dalam Perkhidmatan Profesional)

Puan Hajjah Norlea binti Mat Taib
 (Kategori Cemerlang Dalam Perkhidmatan Sokongan)

Tuan Haji Abdul Rashid bin Haron
 (Kategori Cemerlang Dalam Perkhidmatan Sokongan)

Malam Anugerah Jasa Mu (MAJU 2004)

Malam Anugerah Jasa Mu (MAJU 2004) telah diadakan pada 17 Disember 2004 yang bertujuan untuk menghargai usaha dan pengorbanan staf termasuk juga meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jasa Putra, Setia Putra dan Fellowship Naib Canselor. Selain itu juga majlis ini juga turut meraikan Jawatankuasa Majlis Konvokesyen, Jawatankuasa Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-47, Jawatankuasa Pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2004, Jawatankuasa Sukan Staf UPM dan Jawatankuasa Perarakan Berjalan Kaki yang gigih menjalankan program universiti dengan jayanya. Di samping itu, majlis ini akan dapat mengeratkan semangat ukhuwah di kalangan staf UPM selain daripada pemberian Sijil Penghargaan kepada Pusat Tanggungjawab yang tidak mempunyai rekod kehilangan aset dan inventori bagi tahun 2004. Majlis seumpama ini adalah yang julung kali diadakan. Ia akan diteruskan di masa-masa akan datang.

Dr. Jalaludin bin Harun
 (Excellence in professional services category)

Puan Hajjah Norlea binti Mat Taib
 (Excellence in Support services category)

Tuan Haji Abdul Rashid bin Haron
 (Excellence in support services category)

Jasa Mu Awards Night (MAJU 2004)

The Jasa Mu Awards Night (MAJU 2004) was held on 17 December 2004 to give due recognition and appreciation to the efforts and sacrifices of the staff and also to celebrate the winners of the Jasa Putra, Setia Putra and Vice Chancellor Fellowship awards. The celebration also included the appreciation of various committees including the Convocation Committee, the 47th Merdeka Celebration Committee, the Student Council Selection Committee 2004, the Staff Sports Committee and the Committee for the Promotion of Walking, all of which carried out their tasks successfully. In addition, it was meant to help strengthen ties and create a spirit of brotherhood among the staff as well as to give away certificates of appreciation to Centres of Responsibility which had reported to show no loss in assets when the inventory for the year was done. This was the first time a function of this nature was held and it will continue to be held in the future.

Customer Service

In the National Integrity Plan, each government entity has to take Customer Service seriously. UPM answered this call by organising a variety of activities in its efforts to enhance customer service. Among the activities were the Customer Service Day which was held on the last Saturday of each month. The first Customer Service Day was held in October, and subsequently in November and December. Staff, students and the community at large took part in this event, to get information and explanation about the daily activities of the University.





Perkhidmatan Pelanggan

Di dalam Pelan Integriti Nasional maka setiap entiti kerajaan perlu mengambil berat terhadap Perkhidmatan Pelanggan. UPM telah menyahut seruan tersebut dengan mengadakan pelbagai aktiviti dalam usaha untuk meningkat perkhidmatan pelanggan di UPM. Antara aktiviti tersebut ialah Hari Khidmat Pelanggan yang telah diadakan pada setiap Sabtu terakhir setiap bulan. Hari Khidmat Pelanggan Pertama telah diadakan pada bulan Oktober, November dan Disember 2004 di mana para pelanggan yang terdiri daripada staf dan pelajar UPM dan tidak lupa juga masyarakat luar untuk turut serta dalam mendapatkan maklumat dan penjelasan berhubung aktiviti harian Universiti. Ini adalah suatu usaha UPM untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan rungutan orang ramai terhadap pentadbiran jabatan kerajaan termasuk badan berkanun seperti universiti. Dalam sama yang sama terdapat kaunter luar seperti MAS, JPJ, KTMB, PTPTN dan sebagainya

This was part of the effort taken by UPM to reduce bureaucracy and public complaints against the Government departments including statutory bodies such as Universities and governmental agencies. In addition, counters were set up by other agencies such MAS, JPJ, KTMB, PTPTN and others.

Officers Assembly

The officers assembly was held every month in line with the National Integrity Plan for the purpose of strengthening ties among the UPM staff. Activities in the assemblies included the reading of oaths, health and exercise as well as educational lectures that were held throughout 2004.

Sepanjang tahun 2004, sejumlah 101 staf UPM telah bersara wajib, 18 orang staf telah bersara secara pilihan dan 9 orang staf Bersara Terbitan



Perhimpunan Pegawai

Perhimpunan Pegawai UPM diadakan setiap sebulan sekali selaras Pelan Integriti Nasional (PIN). Tujuan diadakan Perhimpunan Pegawai ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan staf UPM dan aktiviti dalam perhimpunan tersebut ialah Bacaan Ikrar Integriti dan aktiviti gerak sehat termasuk program syarahan pendidikan yang telah diadakan sepanjang tahun 2004.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bersama Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir dan Persatuan Pegawai Am (KEPERTAMA)

Majlis Bersama Jabatan bersama Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir dan Persatuan Pegawai Am (KEPERTAMA) dengan Pihak Pengurusan Universiti merupakan platform utama untuk Persatuan Pekerja yang mewakili staf yang berkenaan membincangkan berkaitan dengan perkhidmatan dan kebajikan staf UPM. Forum ini juga merupakan antara usaha Persatuan Pekerja dalam membantu staf UPM di semua peringkat menyelesaikan isu-isu dan perkara-perkara yang berbangkit.

Persaraan


Sepanjang tahun 2004, sejumlah 101 staf UPM telah bersara wajib, 18 orang staf telah bersara secara pilihan dan 9 orang staf Bersara Terbitan.

Joint Departmental council together with the Academic Officers Society, Administrators Society and General Officers Society (KEPERTAMA)

The Joint Departmental council together with Academic Officers Society, Administrators Society and General Officers Society (KEPERTAMA) and the Universiti Management forms a platform for the staff organisations which represents the staff to discuss issues with regards to the service and welfare of UPM staff. This forum is also one of the efforts made by the Staff Organisations to help its members at all levels to resolve issues and other matters that arise.

Retirement

Throughout 2004, a total of 101 staff went on compulsory retirement, 18 on optional retirement and 9 received derivative pensions.



Teknologi Maklumat & Komunikasi

Information &
Communication
Technology



Universiti Putra Malaysia (UPM) menggariskan Matlamat Ke-6 Pelan Strategi UPM 2001-2010 untuk membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti. Untuk itu, UPM sentiasa melagang usaha untuk meningkatkan kecekapan penggunaan dan kemudahan ICT dalam kampus.

Infrastruktur dan Rangkaian

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) adalah entiti yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan sokongan ICT bagi membantu pengajaran dan penyelidikan dalam penggunaan teknologi maklumat. Ianya juga berperanan menyediakan dan menguruskan rangkaian UPMNet kepada warga UPM Serdang dan UPM Kampus Bintulu. Dalam masa yang sama juga BTM, bertanggungjawab mengawal keselamatan dan penyelenggaraan rangkaian komputer disamping meningkatkan keupayaan dan capaian Internet dari semasa ke semasa. Rangkaian komputer ini beroperasi selama 24 jam sehari. Lebih dari 10,000 buah komputer dan stesen kerja serta server di UPM dirangkai melalui fiber-optik dengan kelajuan 10-100 Mbs (mega bait per saat).

Setiap staf dan mahasiswa UPM dibekalkan dengan satu akaun e-mel iaitu e-mel Putra

Universiti Putra Malaysia's (UPM) 6th Goal as outlined in the UPM Strategic Plan 2001-2010 is to inculcate a culture of information technology and communication (ICT) through e-University. For that purpose, UPM always strives to enhance efficient usage of its campus ICT facilities.

Infrastructure and Network

The Information Technology Division (BTM) is the entity responsible for providing ICT support to help in the processes of teaching, research and usage of information technology. Its role is also to provide and manage the UPM Net for all the users of UPM Serdang and the UPM Bintulu Campus. At the same time BTM is responsible to provide security and maintenance of the computer network as well as increase the capacity and capability of Internet performance from time to time. This computer network operates 24 hours a day. More than 10,000 computers and work stations as well as the server at UPM are networked through fibre optics and has a speed of 10-100 Mbs (mega bytes per second).

Each staff and student is provided with one e-mail account that is the Putra e-mail and Mutiara e-mail. Both these accounts are



Lebih dari 10,000 buah komputer dan stesen kerja serta server di UPM dirangkai melalui fiber-optik dengan kelajuan 10-100 Mbs (mega bait per saat)

dan e-mel Mutiara. Kedua-dua akaun e-mel ini adalah berasaskan web (web-based), yang mana e-mel ini boleh diakses di mana saja jika terdapat sambungan internet. Kapasiti storan untuk kedua-dua e-mel ini telah ditingkatkan kepada 30 Mb dan 10 Mb untuk e-mel Putra dan e-mel Mutiara.

Disamping itu untuk memantapkan kemudahan yang disediakan ini, UPM telah dilengkapi dengan lebih daripada 40 sistem dan e-sistem untuk memberi pelbagai kemudahan kepada staf dan mahasiswa.

Antara sistem yang terdapat di UPM ialah :

- E-Undi
- E-Bika
- E-Klinik
- E-Sprint
- E-IRPA
- IHRAM
- SMP
- SAGA
- FAMS
- Putra Student Portal
- KM Portal
- iGIMS (Sistem Maklumat Pengurusan Siswazah)
- Sistem Automasi Pejabat – Putranet
- Sistem Cuti On Web
- Sistem Penilaian SSM

web-based and can be accessed any wherein the world where there are internet connections. The storage capacity for both these mails have been increased to 30 Mb for Putra e-mail and 10Mb for Mutiara e-mail.

In addition, to consolidate this facility, UPM has been equipped with more than 40 systems and e-systems to provide various amenities for both staff and students.

Among them are :

- E-Vote
- E-Bika
- E-Clinic
- E-Sprint
- E-IRPA
- IHRAM
- SMP
- SAGA
- FAMS
- Putra Student Portal
- KM Portal
- iGIMS (Graduate Management Information System)
- Office Automation System – Putranet
- Leave system on the Web
- SSM Evaluation system

Pembelajaran yang berasaskan web iaitu Kelas Maya dan Sistem e-SPRINT (Sistem Pengurusan Rangkaian Integrasi Nota kuliah dalam Talian)

BTM telah berjaya menaik taraf UPMNet keseluruhan kampus di mana terdapat 8 *core switch* dan beberapa *distributed switch* serta *access switch* telah diagihkan ke lokasi-lokasi Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang terpilih.

Aplikasi Cuti-On-Web

Pada tahun 2004, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah berjaya melaksanakan aplikasi cuti-on-web seluruh kampus UPM Serdang di mana 98% staf UPM boleh memohon cuti secara web. Staf UPM boleh memohon cuti dengan mengakses e-mel Putra iaitu satu akaun e-mel yang telah dikhaskan untuk semua staf. Mereka boleh memohon dan menyemak cuti masing-masing melalui aplikasi ini. Setiap cuti yang dimohon akan diajukan kepada Ketua Jabatan dan permohonan akan diproses menerusi e-mel tersebut.

Sistem e-Pembelajaran (e-Sprint)

UPM telah menyediakan sistem e-Pembelajaran yang berasaskan web iaitu Kelas Maya dan Sistem e-SPRINT (Sistem Pengurusan Rangkaian Integrasi Nota kuliah dalam Talian). E-Sprint merupakan satu produk teknologi maklumat yang mudah digunakan serta dilengkapi ciri-ciri keselamatan data yang tinggi. Bahan-bahan kuliah yang disediakan oleh pensyarah dapat diakses oleh pelajar dalam kampus dan pelajar Program Jarak Jauh (PJJ) menerusi teknologi internet. Perisian e-Sprint telah disenaraikan sebagai 10 produk inovasi pilihan bagi Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2004.

UPM KM Portal

UPM KM Portal bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan ilmu korporat yang mampu menyokong penggunaan harta intelek universiti secara efektif. UPM KM Portal diletakkan di bawah tanggungjawab Pusat Pembangunan Akademik (CADE).

BTM also succeeded in increasing the standard of the UPMNet throughout the campus grounds. 8 core switches and some distributed switches including access switches have been distributed among selected Responsibility Centre locations.

Applying for leave on the net


In 2004, the Division of Information Technology succeeded in creating the Leave on the Net application. 98% of the staff can apply for their leave through the net. They can do so by accessing the Putra e-mail which is a specialized e-mail for all staff. They can apply for their leave and monitor their leave through this application. All leave applications will be forwarded to the respective Heads of Departments through this account.

E-Learning System (e-Sprint)

UPM has provided the e-learning system which is based on the net, that is Virtual classes and the e-SPRINT (System of management for the integration of lecture notes online). E-Sprint is an information technology product that can be easily used and is equipped with data safety of high quality. Lecture materials that are prepared by the lecturers are easily accessed by in-campus and off-campus students through internet technology. The e-Sprint software has been listed in the 10 most innovative products chosen for the Premier Information Technology Award.

UPM KM Portal

UPM KM Portal's purpose is to provide a base for corporate knowledge that is capable of supporting effective university usage of intellectual property. The UPM KM Portal is placed under the care and responsibility of the Centre for Academic Development (CADE).



Secara amnya, UPM KM Portal mampu :

- Menyediakan infrastruktur untuk meningkatkan pendepositan, perkongsian dan penjanaan ilmu, sama ada dalam bentuk eksplisit atau tacit
- Menyusun atur ilmu dengan menggunakan sistem taksonomi untuk memudahkan proses pencarian dan pengenalpastian ilmu
- Menyediakan platform untuk menggalakkan kolaborasi antara individu atau kumpulan
- Menyediakan aplikasi workflow
- Membantu menyediakan penyediaan laporan mengenai ilmu, kepakaran dan lain-lain

Sistem e-Pengundian

Pada 15 September 2004, dengan terlaksana sistem Pengundian yang telah di bina oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), pelajar-pelajar UPM seluruh kampus Serdang dan Bintulu, Sarawak dapat mengundi calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pilihan mereka melalui web. Selain itu, dengan adanya system e-undi ini keputusan pilihan raya kampus dapat diketahui dengan lebih cepat.

E-Klinik

Sistem e-Klinik telah dibangunkan oleh pihak XYBASE Sdn Bhd dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dan

In general, the UPM KM Portal is capable of :

- providing the infrastructure to enhance the storage, sharing and generation of knowledge, in both explicit and tacit forms.
- Arranging knowledge by using the taxonomy system to simplify the process of searching for and identifying information
- Providing a platform to encourage collaboration among individuals and/or groups
- Providing workflow applications
- Helping to prepare reports pertaining to knowledge, expertise and others.

e-Voting system

On 15 September 2004, with the usage of the e-Voting system that was created by the Information Technology Division, all students of UPM both at the main and branch campus were able to vote on the web for the candidate of their choice to select the Student Representative Council . With the existence of this system, the results were announced much faster than when traditional means were used.

E-Clinic

The e-clinic system was created by XYBASE Sdn Bhd with the cooperation of the Information Technology Division and the Student Health Centre. This system uses the web platform and is used to systematically provide treatment to patients and clinic users.

Pusat Kesihatan Mahasiswa (PKM). Sistem ini menggunakan platform web dan digunakan secara menyeluruh untuk perkhidmatan rawatan kepada pesakit dan pengguna klinik. Kini sistem ini telah diambil alih sepenuhnya oleh UPM. Bermula Januari 2004, Pusat Kesihatan Mahasiswa telah menggunakan aplikasi sistem ini secara keseluruhannya.

Antara objektif e-klinik ialah :

- Memudah cara pesakit menerima rawatan
- Memudah doktor dan paramedik memberi rawatan
- Memudah cara kemasukan, penyimpanan dan penggunaan data pesakit
- Memudah cara pembacaan dan arahan preskripsi, rawatan, kajian, makmal dan X-ray
- Memudah doktor mencapai maklumat rawatan dan mendapat nasihat pakar
- Memudah dan mempercepatkan perolehan statistik rawatan dan pesakit mengikut harian, bulanan dan tahunan
- Memudah kawalan dan pemantauan kesihatan pelajar
- Memudah proses perolehan dan inventori
- Memudah proses bayaran dan tuntutan

UPM has now taken over this system completely. Beginning January 2004, the Student Health Centre is using the entire application system.

Among the objectives of the e-clinic are to simplify :

- the way patients receive treatment
- the way doctors and paramedics give treatment
- the entry, storage and usage of patient data
- the way prescriptions are read and ordered, treatment, laboratory tests and x-rays are carried out
- the way doctors obtain information and advice from experts and quicken the obtaining of treatment statistics and patient numbers according to day, month and year
- the control and monitoring of student health
- the process of acquisition and inventory
- the process of payment and claims



FAMS

Sistem Pengurusan Aset Tetap (FAMS) telah dilancarkan penggunaannya pada 1 Mac 2004 di UPM Serdang dan 1 Mei 2004 di UPM Kampus Bintulu menggunakan sistem *Hardcat Fixed Assets Management Systems*. Pada dasarnya sistem ini bertujuan untuk mengesan dan memantau sesuatu kitar hayat penggunaan dan penempatan lokasi sesuatu aset di UPM. Sistem FAMS turut dihubungkan dengan sistem SAGA melalui *interface*. Di sini, integrasi data antara FAMS dan USER berlaku secara *batch* dan harian melalui *Information Broker (IB)*. Untuk memastikan integriti sistem SAGA tidak terjejas, penghantaran data adalah hanya daripada SAGA ke FAMS sahaja. Selain daripada SAGA, FAMS juga menerima tambahan/perubahan maklumat staf daripada sistem IHRAMS.

Kini, FAMS menggunakan *platform client-based* dan digunakan secara menyeluruh di semua Pusat Tanggungjawab. Perancangan fasa 2 pada tahun ini akan menjurus kepada pengalihan platform sistem kepada *web-based* menjelang penghujung tahun 2004.

Fixed Assets Management System(FAMS)

This system was launched on 1 March 2004 at UPM Serdang and 1 May 2004 at UPM Bintulu Campus using the *Hardcat Fixed Assets Management Systems*. Basically, the purpose of the system is to trace and monitor the life cycle of the usage and location of any one asset in UPM. FAMS is connected to the SAGA system through *interface*. Here, the integration of data between FAMS and the USER occurs in *batches* daily through the *Information Broker (IB)*. To ensure that the integrity of the SAGA system is not affected, the transmission of data occurs only from SAGA to FAMS. Besides SAGA, FAMS also receives additional/ change of staff information from the IHRAMS system.

Currently, FAMS uses a *client-based* platform which is used at all PTJs. The phase 2 planning for 2004 saw the move from a platform based to a *web-based* system by the end of the year.



*Sistem Pengurusan
Aset Tetap (FAMS)
telah dilancarkan
penggunaannya pada
1 Mac 2004 di UPM
Serdang dan
1 Mei 2004
di UPM
Kampus Bintulu*

*Sistem e-Pengundian membolehkan
keputusan pilihanraya kampus diketahui
dengan lebih cepat*





Pengurusan Kewangan

Financial
Management

Prestasi Kewangan Universiti Putra Malaysia Tahun 2004

Pendapatan Universiti


Universiti Putra Malaysia secara keseluruhannya telah menjana pendapatan sebanyak RM507.56 juta di dalam tahun 2004 berbanding RM591.12 juta di dalam tahun 2003, menurun sebanyak RM83.56 juta (14.14%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM329.46 juta atau 64.92% adalah daripada Geran Kerajaan, RM92.30 juta atau 18.19% adalah daripada pelbagai yuran dan RM85.80 juta atau 16.89% daripada pelbagai sumber lain.

University Putra Malaysia 2004 Financial Performance


University's Income

University Putra Malaysia generated an income of RM507.56 for 2004 compared to RM591.12 million in 2003, which recorded a drop of RM83.56 million (14.14%). From the above figure, a total of RM329.46 million or 64.92%, were from Government Grants, RM92.30 million or 18.19% from miscellaneous fees and RM85.80 million or 16.89% from other miscellaneous sources.

SUMBER PENDAPATAN
TAHUN 2004
SOURCES OF INCOME FOR YEAR 2004



SUMBER PENDAPATAN
TAHUN 2003
SOURCES OF INCOME FOR YEAR 2003




Perbelanjaan Universiti

Perbelanjaan tahun 2004 adalah sebanyak RM594.54 juta berbanding RM535.85 juta dalam tahun 2003, meningkat RM58.69 juta atau 10.95%. Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM196.62 juta (33.07%) telah dibelanjakan untuk emolumen, RM94.84 juta (15.95%) untuk bekalan dan bahan-bahan, RM34.58 juta (5.82%) untuk penyelenggaraan dan pembaikan, RM152.19 juta (25.60%) untuk perkhidmatan iktis dan hospitaliti dan RM 116.31 juta (19.56%) untuk peruntukan perbelanjaan Aset. Defisit perbelanjaan berbanding pendapatan berjumlah RM86.98 juta dalam tahun 2004 dibiayai oleh Kumpulan wang yang berkaitan.


University's Expenditure

Expenditure for 2004 amounted RM594.54 million compared to RM535.85 million in 2003, recording a rise of RM58.69 million or 10.95%. From this expenditure, a total of RM196.62 million (33.07%), was spent on emoluments, RM94.84 million (15.95%) on supplies and materials, RM34.58 million (5.82%) on maintenance and repairs, RM152.19 million (25.60%) on professional and hospitality services and RM116.31 million (19.56%) on asset expenditure. The deficit in expenditure compared to income, amounting RM86.98 million in 2004, was provided for by relevant funds.

PECAHAN PERBELANJAAN
TAHUN 2004
BREAKDOWN OF EXPENDITURE FOR YEAR 2004



PECAHAN PERBELANJAAN
TAHUN 2003
BREAKDOWN OF EXPENDITURE FOR YEAR 2003





Keseluruhan program dan aktiviti UPM dibiayai oleh Kumpulanwang Disatukan berjumlah RM1,020.43 juta dalam tahun 2004 berbanding RM1,123.50 juta dalam tahun 2003, menurun sebanyak RM103.07 juta atau 9.17%. Penurunan adalah disebabkan oleh pengurangan terimaan Geran Kerajaan untuk Belanja Mengurus serta pembiayaan Projek Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang sedang giat dalam proses pelaksanaan.

Kumpulanwang Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Mengurus, Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Penyelidikan dan beberapa Kumpulanwang Amanah Lain bagi tujuan pembiayaan program dan aktiviti universiti. Dalam tahun 2004, Kumpulanwang Mengurus berjumlah RM159.00 juta (15.58%), Kumpulanwang Pembangunan berjumlah RM427.44 juta (41.89%), Kumpulanwang Penyelidikan berjumlah RM120.48 juta (11.81%) dan Kumpulanwang Amanah Lain berjumlah RM313.51 juta (30.72%).

The entire programmes and activities of UPM was financed by the Consolidated Fund amounting RM1,020.43 million in 2004, compared to RM1,123.50 million in 2003, a decrease of RM103.07 million or 9.17%. The reasons for the decrease was a reduction in Government Grants for Operating Expenditure and for financing the Faculty of Medicine and Health Science Project which is in the process of being implemented vigorously.

The Consolidated Fund comprised of the Operating, Development, Research Funds and several other Trust Funds for financing the programmes and activities of the University. In 2004, the Operating Fund amounted RM159.00 million (15.58%), Development Fund was RM427.44 million (41.89%), the Research Fund was RM120.48 million (18.81%) and Other Trust Funds amounted RM313.51 million (30.72%).

PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2004
OPERATING EXPENDITURE FOR YEAR 2004

PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2003
OPERATING EXPENDITURE FOR YEAR 2003

Perbelanjaan Mengurus

